

BAHAYA LEUKEMIA PADA KUCING



FelV boleh melemahkan sistem imunisasi badan si bulus hingga membawa kepada kematian

Oleh Hafiz Ithnin

hafizithnin@mediaprima.com.my

Jika manusia mendapat penyakit leukemia, sebenarnya kucing juga boleh mendapat penyakit berkenaan yang boleh mengakibatkan kematian haiwan berkenaan.

Pengasas Klinik Haiwan dan Operasi Kitty's Care, Dr Muhammad Naim Md Kasim berkata, leukemia kucing atau juga dikenali



lesu dan lemah, bulu gugur, nod limfa membengkak, gusi pucat (anemia), stomatitis berserta ulser pada lidah, mulut dan gusi, jangkitan kuman yang sukar sembuh (disebabkan sistem imunisasi yang lemah), keguguran atau masalah reproduksi," katanya.

Dr Naim berkata, sehingga hari ini, tiada rawatan yang dapat merawat pesakit FelV hingga sembuh sepenuhnya. Jangkitan FelV

sebagai Feline Leukemia Virus (FeLV) adalah jangkitan Retrovirus pada kucing.

Katanya, FeLV boleh menyebabkan leukemia (barah sel darahputih); anemia (kurang sel darah merah) dan melemahkan sistem imunisasi badan kucing (imunodefisiensi) sehingga boleh menyebabkan jangkitan sekunder dengan mudah.

“Cecair badan kucing yang menghidap FeLV adalah penyebar penyakit yang paling utama dan sejumlah besar FeLV disebarkan melalui air liur.

“Oleh itu, dandanan, gigitan ketika bermain atau bergaduh, perkongsian bekas makanan dan minuman antara cara pemindahan penyakit yang paling biasa berlaku,” katanya.

Katanya, virus boleh

Perkongsian bekas pasir boleh menjadi sumber jangkitan bagi rumah yang mempunyai jumlah kucing yang banyak (multi-cat household)

DR MUHAMMAD NAIM

DANDANAN antara cara pemindahan penyakit yang paling biasa berlaku.




SEHINGGA kini tiada rawatan yang dapat merawat pesakit FeLV hingga sembuh.

didapati dalam jumlah yang lebih rendah dalam air mata, air kencing, dan najis kucing yang menghidap penyakit ini.

“Jadi, perkongsian bekas pasir boleh menjadi sumber jangkitan bagi rumah yang mempunyai jumlah kucing yang banyak (multi-cat household).

“Bagi kucing betina pula, FeLV juga boleh disebarkan ibu kepada anak kucing sama ada ketika hamil ke seluruh plasenta (dalam utero) atau selepas melahirkan melalui susu,” katanya.



MEMANTAU selera makan kucing untuk mengetahui tahap kesihatannya.

Tambahnya, untuk seekor kucing dewasa dijangkiti FeLV, ia memerlukan sejumlah besar virus untuk menjangkiti mereka, oleh itu pendedahan dalam jangka masa yang lama kepada punca penyakit diperlukan untuk

menyebabkan infeksi.

“Jadi selalunya kucing dewasa mula menunjukkan tanda-tanda FeLV selepas beberapa bulan atau tahun dalam jagaan.

“Tanda-tanda leukemia kucing seperti kurang selera makan, penurunan berat badan, demam, cirit birit,

menyebabkan kesan dan tindak balas yang berbeza pada setiap kucing yang menghidapinya.

“Sesetengah kucing positif FeLV boleh hidup tanpa komplikasi penyakit utama selama bertahun-tahun dengan penjagaan yang baik di rumah, pemeriksaan berkala di klinik haiwan dan pencegahan daripada jangkitan sekunder.

“Untuk kucing yang dijangkiti virus ini, jangkitan sekunder boleh berlaku disebabkan sistem imunisasi lemah. Sekiranya berlaku, rawatan yang sewajarnya haruslah diberikan,” katanya.

Jelasnya, FeLV boleh menjangkiti kucing rumah mahupun kucing jalanan. Untuk mereka yang mempunyai lebih daripada seekor kucing di rumah dan merancang untuk menjaga kucing baru terutamanya kucing jalanan, dapatkan rundingan veteriner dan pengesahan bahawa kucing berkenaan bebas FeLV dengan menjalani saringan.

“Sekiranya kucing anda disahkan positif FeLV, mereka perlu disimpan di dalam rumah untuk mengurangkan risiko pendedahan kepada ejen berjangkit dan untuk mencegah penghantaran virus kepada kucing lain di rumah dan kucing jalanan.

“Anda juga dinasihatkan untuk tidak mengambil atau menjaga kucing baharu ke dalam rumah bagi mengelakkan jangkitan dan supaya perhatian dan jagaan rapi dapat diberikan kepada kucing berkenaan,” katanya.